

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **JAWAB LISAN**

DARIPADA : **DATUK RAIME BIN UNGGI**

TARIKH : **2 OGOS 2017 (RABU)**

SOALAN : **78**

PR-1352-L01440

Datuk Raime Bin Unggi [Tenom] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan keperluan membina ibu pejabat Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (BERNAMA) yang baharu sama ada di Putrajaya atau Cyberjaya memandangkan ibu pejabat sedia ada tidak lagi sesuai akibat pembangunan setempat yang pesat di Jalan Tun Abdul Razak, Kuala Lumpur.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa ini pejabat BERNAMA akan terus beroperasi di bangunan 15 tingkat di Wisma Bernama Jalan 1/65A Off Jalan Tun Razak.

Bangunan ini yang diduduki sejak 1984 masih dalam keadaan baik dan mencukupi untuk menampung keperluan kakitangan dan operasi BERNAMA. Agensi berita ini juga kini menempatkan operasi BERNAMA Radio dan BERNAMA News Channel di bangunan tersebut.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' SRI HASAN ARIFIN
TARIKH : 2.8.2017
SOALAN : NO. 79

Dato' Sri Hasan Arifin [Rompin] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan terdapat banyak kolej-kolej swasta yang ditubuhkan yang menganjurkan kursus-kursus yang tidak penting dan sekadar untuk mendapat keuntungan sahaja. Adakah Kerajaan bercadang untuk mengawal dan mengurangkan kelulusan kolej-kolej swasta ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semua institusi pendidikan tinggi swasta (IPTS) yang beroperasi di Malaysia adalah tertakluk di bawah Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 [Akta 555] termasuklah kawalan terhadap kursus pengajian yang dikendalikan oleh IPTS. Sebelum menawarkan sebarang kursus pengajian, IPTS perlu mendapatkan kelulusan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT).

KPT hanya akan mengeluarkan permohonan kelulusan sesuatu kursus kepada IPTS setelah kursus itu diberi perakuan akreditasi oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA). MQA akan meneliti kriteria berikut sebelum sesuatu kursus diberikan perakuan akreditasi iaitu kaedah penawaran, kaedah pengendalian, skim pengajian, tempoh kursus, kredit bergraduat dan kelayakan masuk. Tempoh sah laku akreditasi adalah 5 tahun bagi memastikan kursus yang ditawarkan mempunyai potensi kebolehpasaran

dan relevan dengan pasaran semasa. MQA turut membangunkan Standard Program mengikut bidang disiplin dan Standard untuk semua bidang disiplin bagi memenuhi keperluan minimum dalam mereka bentuk program untuk tujuan penyelarasan. Setiap standard program yang dibangunkan telah mendapat input pakar akademik dan industri.

Dalam tempoh pengendalian kursus tersebut, pemantauan akan dilaksanakan dan sekiranya IPTS didapati melanggar sebarang syarat yang dikenakan, tindakan penguatkuasaan boleh dikenakan ke atas IPTS termasuk pembatalan kelulusan kursus. Di bawah seksyen 38 (1), Akta 555, sekiranya di dapati pihak IPTS mengendalikan kursus pengajian yang tidak diluluskan, KPT akan mengambil tindakan tegas berdasarkan undang-undang sedia ada iaitu IPTS boleh didenda sehingga RM200,000 atau dua tahun penjara.

Bagi memastikan IPTS terbabit mampu memberikan perkhidmatan yang berkualiti, mapan daripada segi kewangan dan berdaya saing, KPT telah melaksanakan moratorium ke atas penubuhan IPTS baharu sehingga tahun 2020. Pelaksanaan moratorium penubuhan IPTS ini merupakan langkah yang diambil oleh KPT bagi mengawal pertumbuhan IPTS serta memperkasa IPTS sedia ada.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI PANGLIMA HAJI ABDUL
GHAPUR BIN SALLEH [KALABAKAN]**

TARIKH : 2 OGOS 2017 (RABU)

SOALAN : 80

Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur Bin Salleh [Kalabakan]
minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan :-

- (a) adakah Kementerian sedar dan memberi kelulusan untuk Air Asia meminta pembayaran (*excess baggage*) sebanyak RM200.00 sewaktu penumpang sudah berada didalam kapal terbang; dan
- (b) jika sedar mengapa Air Asia diberi kelulusan dan jika tidak mengapa Air Asia membuat keputusan sesuka hati mereka.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penetapan tambang domestik oleh syarikat-syarikat penerbangan negara adalah berdasarkan kepada rasionalisasi sektor perkhidmatan udara domestik pada tahun 2006. Dalam hal ini, Kerajaan memutuskan bahawa syarikat-syarikat penerbangan negara yang menyediakan perkhidmatan udara domestik diberikan kebebasan dalam menentukan liputan rangkaian (*network coverage*), kekerapan penerbangan dan kadar tambang yang ingin ditawarkan berdasarkan permintaan pasaran. Syarikat-syarikat penerbangan negara akan menetapkan kadar tambang termasuk caj-caj berkaitan penerbangannya dengan mengambil kira faktor-faktor di atas, keadaan ekonomi serta faktor-faktor lain seperti harga bahan api dan kos operasi.

Menurut AirAsia, berdasarkan terma dan syarat kontrak pengangkutan AirAsia sedia ada, para penumpang hanya dibenarkan membawa ke dalam pesawat satu bagasi kabin berukuran 56cm x 36cm x 23cm (termasuk pemegang dan roda) serta satu beg kecil, seperti beg komputer riba atau beg tangan, berukuran 40cm x 30cm x 10cm. Jumlah berat untuk kedua-dua beg tersebut tidak boleh melebihi 7kg. Para penumpang dengan bagasi kabin melebihi had berat, had saiz atau melebihi kuantiti yang dibenarkan akan dikenakan caj bagasi berlebihan untuk setiap kilogram atau yuran bagasi yang perlu dibayar di pintu masuk pesawat.

Bagi mengelak pengenaan caj caj bagasi berlebihan, para penumpang disyorkan untuk membuat pra-tempah peruntukan bagasi berdaftar dalam talian ketika membuat tempahan penerbangan mereka atau melalui khidmat "Urus Tempahan Saya" di laman web AirAsia.